



### **Gambar Ramai Setelah Berjaya Menganjurkan Ujian al-Qur'ān**


Ahli Jawatankuasa Pelajar-pelajar Islam Johor cawangan Senggarang, bergambar ramai setelah selamat menganjurkan

Majlis Ujian al-Qur'ān di antara ahli-ahlinya dan terbuka kepada ramai.

Duduk di tengah-tengah ialah saudara Abdul Rahman Ali, Yang di-Pertua. Di kanannya: Mohamad Sharif Eskon,

Setiausaha dan jawatankuasanya.

\* \* \* \*



### **Gambar Kenangan Bahas**

Ahli-ahli Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Johor, cawangan Senggarang, bergambar dengan hadiah-hadiah kemenangannya, setelah berjaya menjadi Johan Kumpulan Bahas Daerah Senggarang kerana menyambut Bulan Bahasa yang lalu.

Di tengah-tengah saudara Kasbi Haji Ismail, ketuanya, di kanannya ialah saudara Abdul Rahman Ali dan di kirinya saudara Abdul Kadir Abdul Majid. Manakala yang di kanan sekali (tidak bersongkok) ialah saudara Mohamad

Saleh Kasim, pengerusi dalam Kumpulan Bahas tersebut.



Pelajar-pelajar trengkas Melayu dari Singapura dan Johor yang telah lulus baharu-baharu ini. Dua gambar yang diterakan di sini telah diambil pada Hari Penerimaan Sijil yang telah berlangsung di Sekolah Raffles Singapura.

